

Etnik Sino-Native

ADAT RESAM TURUN-TEMURUN DAN PANTANG LARANG

4.1 Pengenalan

Setiap kelompok etnik mempunyai kepercayaan dan adat masing-masing. Begitu juga dengan etnik Sino-Native iaitu kepercayaan dan adat istiadat yang mereka warisi dari nenek moyang banyak mempengaruhi amalan mereka. Antara adat istiadat dan kepercayaan mereka termasuklah sembahyang kuburan (*chin ming*), sembahyang *tapikong*, *sogit*, adat *Moginum* dan juga kepercayaan berkaitan dengan kematian dan pemakaian warna merah yang menjadi simbolik kepada tuah dan nasib seseorang. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan adat istiadat tersebut.

4.2 Adat Resam bagi Etnik Sino-Native di Negeri Sabah

Amalan adat dan kepercayaan ini adalah dipengaruhi oleh dua sisi etnik iaitu jika pasangan (suami/isteri) adalah Dusun, wujud pengaruh Dusun dalam budaya dan amalan kehidupan harian mereka. Hal ini yang menyebabkan keunikan budaya etnik Sino-Native. Hasil kajian juga mendapati berlaku penyesuaian (*adaptation*) amalan dan kepercayaan dalam kalangan informan yang berbeza etnik dengan pasangan masing-masing. Dalam kenyataan beberapa informan seperti Encik Nuai Chin dan Encik Wong Nyok Chuan, mereka mengikut adat kedua belah pihak (amalan adat bagi pihak suami dan juga isteri).

Oleh itu, definisi adat secara ringkas merujuk kepada suatu aturan dan cara hidup yang menjadi panduan kepada kelompok dan dipersetujui bersama. Hal ini yang melambangkan identiti mereka dan berbeza dengan etnik yang lain di samping berperanan sebagai pemisah atau peraturan bagi menghindarkan individu atau kelompok masyarakat melakukan perkara yang melanggar norma-norma dalam kehidupan bermasyarakat.

4.3 Sembahyang Kuburan (*Chin Ming*) dan Sembahyang *Tapikong*

Upacara sembahyang kuburan dalam kalangan etnik Sino-Native diamalkan pada setiap hujung bulan Mac atau awal bulan April. Semasa upacara ini berlangsung, etnik Sino-Native akan membersihkan kuburan ahli keluarga mereka. Majoriti informan dalam kajian menyatakan mereka akan membawa barangan berbentuk makanan dan replika yang terdiri daripada ayam atau sebarang daging yang sudah dimasak, buah-buahan, kuih-muih, baju-baju, kasut dan duit yang diperbuat daripada kertas untuk tujuan persembahan kepada roh nenek moyang. Ketika upacara ini dijalankan, kebanyakan saudara-mara atau anak-anak akan berkumpul untuk tujuan menghormati roh nenek moyang mereka.

Selain itu etnik Sino-Native juga mengamalkan sembahyang *Tapikong*. Menurut seorang informan, iaitu Encik Hau Wan Chong kebanyakan etnik Sino-Native pada masa dahulu mengamalkan upacara tersebut. Walau bagaimanapun, amalan tersebut semakin berkurangan kerana mengikuti kepercayaan masing-masing yang telah berubah.



Foto 4.1: Sembahyang kuburan etnik Sino-Native



Foto 4.2: Sembahyang Tapikong komuniti Sino-Native

4.4 Sogit

Etnik Sino-Native juga mengamalkan *sogit*. Kebanyakan informan seperti Encik Lim Ah Ngau @ Lim Yu, Datuk Johnny Goh dan Encik Nuai Chin mengakui etnik Sino-Native masih terikat dengan amalan *sogit* sehingga kini. *Sogit* adalah denda terhadap mereka yang melakukan kesalahan dan melanggar pantang larang adat. Dalam etnik Sino-Native, *sogit* yang dikenakan terhadap pelaku adalah berbentuk binatang seperti babi, kerbau, lembu dan ayam. Kadar *sogit* yang ditetapkan kepada pelaku adalah bergantung kepada kesalahan yang dilakukan.

Amalan *sogit* yang diamalkan oleh etnik Sino-Native pada masa kini dipengaruhi oleh adat resam masyarakat tempatan seperti (Kadazan, Dusun, Murut dan Rungus). Hal ini diakui oleh beberapa informan dalam kajian seperti Datuk Johnny Goh, Encik Tan Eng Ann dan Encik James Yapp. *Sogit* wajib dibayar bagi mengelakkan sebarang ketegangan yang disifatkan

panas sehingga boleh mendedahkan komuniti atau individu terhadap ancaman ataupun apa-apa bentuk malapetaka seperti kekacauan dan ketidaksuburan tanaman. Sehubungan itu, fungsi *sogit* dalam konteks ini adalah untuk menyejukkan alam bagi mengelakkan hal-hal yang tidak diinginkan berlaku. Kepercayaan ini sebenarnya mendidik sesama anggota individu dalam masyarakat supaya saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

4.5 Adat *Moginum*

Etnik Sino-Native khususnya Sino-Tatana mengamalkan adat *Moginum* (Datuk Teo Ching Ping, Puan Nonnie Wong, Encik Randy Lim). *Moginum* merupakan upacara ritual masyarakat Sino-Tatana yang diadakan selama tiga (3) hari tiga (3) malam.



Foto 4.3 : Hidangan semasa upacara *moginum*

Informan dari Kuala Penyu menjelaskan terdapat tiga kategori upacara *Moginum*, iaitu *Moginum Loyob* yang bertujuan untuk memperingati roh anggota keluarga yang sudah meninggal dunia. Kedua ialah *Moginum Kaul* yang bertujuan untuk mengubati jika terdapat ahli keluarga yang sakit disebabkan oleh gangguan semangat jahat atau keteguran roh nenek moyang. Ritual ini dijalankan untuk memulihkan semula semangat yang terganggu. Ketiga ialah *Moginum kahwin*. Menurut Encik Randy Lim, upacara ini diadakan semasa majlis perkahwinan berlangsung. Antara makanan yang dihidangkan semasa upacara ini berlangsung adalah seperti *kolupis*, *pinjaram* (kuih tradisi etnik Tatana), pisang, ikan kering dan biasanya turut dihidangkan makanan kegemaran ahli keluarga yang telah meninggal dunia.

4.6 Adat Kematian

Pemakaian *tuah* dalam adat kematian etnik Sino-Native merupakan simbolik kepada penghormatan terhadap si mati. *Tuah* diperbuat daripada kain dan pemakaian *tuah* adalah berbeza mengikut situasi. Sebagai contoh, jika bapa yang meninggal dunia, ahli keluarga terdekat iaitu anak-anak

akan memakai *tuah* berwarna hitam dan baju pula berwarna putih. Manakala, cucu-cucunya pula memakai *tuah* berwarna biru.

Informan dalam kajian ini, iaitu Encik Yong Ngun Thoi menjelaskan jika umur si mati melepasi 90 tahun dan ke atas, ahli keluarga akan memakai warna merah sebagai tanda kesyukuran. *Tuah* ini dipakai selama satu atau dua bulan. Sepanjang tempoh memakai *tuah*, mereka tidak boleh masuk ke rumah orang atau tidak dibenarkan ke mana-mana. Tujuannya adalah untuk menghormati si mati. Bagaimanapun, dalam sesetengah etnik Sino-Native menurut Encik Yong Ngun Thoi, mereka akan membakar *tuah* selepas pengebumian selesai.

4.7 Penutup

Adat resam turun-temurun dan pantang larang yang diwarisi daripada nenek moyang menjadi garis panduan dalam kalangan etnik Sino-Native yang perlu dipatuhi dan diamalkan dalam kehidupan mereka.